

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN LIM KIT SIANG**  
**[ GELANG PATAH ]**

**SOALAN** : **270**

Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan senarai semua kabel komunikasi Internet bawah laut yang beroperasi di Malaysia mengikut nama, tuan punya, jalur lebar (*bandwidth*), tarikh mula beroperasi dan jenis sambungan (domestik atau antarabangsa) serta nyatakan apakah *bandwidth* Internet antarabangsa Malaysia per *Internet user*.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat lebih daripada 14 kabel dasar laut yang telah siap beroperasi bagi tujuan penyambungan sistem komunikasi negara dengan negara luar, dengan kapasiti lebar jalur (*bandwidth*) sebanyak 29.8 Tbps.

Sistem kabel dasar laut domestik yang menghubungkan Semenanjung, Sabah dan Sarawak juga telah mula beroperasi semenjak dari tahun 1995.

Pada masa yang sama, terdapat beberapa sistem kabel dasar laut baharu yang sedang dilaksanakan bagi membolehkan kapasiti lebar jalur sebanyak 58.1 Tbps disediakan untuk kegunaan masa hadapan.